

Israel mesti segera berundur sebelum rundingan damai

BH 17 APR 2002
Daripada Mohamad Azlan Jaafar

RABAT, Selasa - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Israel mesti keluar dari semua kawasan yang dijajah di Tebing Barat sebelum sebarang perjanjian damai dapat dicapai di bumi Palestin.

"Anda tidak boleh mengadakan rundingan jika Israel terus meletakkan senjata pada kepala (rakyat Palestin). Israel mesti keluar dari Palestin," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar bersama Perdana Menteri Maghribi Abdrrahmane Youssoufi selepas majlis menandatangani beberapa perjanjian antara kedua-dua negara, di Kementerian Hubungan Luar dan Kerjasama Maghribi, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya

mengenai pandangan Malaysia berhubung kekejaman dan tindakan tentera rejim Zionis melancarkan serangan terhadap pemimpin Palestin Yasser Arafat dan membunuh ratusan penduduk Palestin.

Tentera Israel juga memasuki beberapa khemah Palestin seperti di Jenin dan menembak mati ratusan penduduk Palestin, termasuk kanak-kanak. Dianggarkan lebih 250 rakyat Palestin terbunuh sejak tentera zionis memasuki kawasan yang diperintah Palestin.

Sementara itu, Youssoufi berharap Malaysia dapat berfungsi mencari perdamaian di Palestin, terutama menyampaikan pandangan negara Islam ketika lawatan Dr Mahathir ke Washington bulan depan bagi bertemu Presiden

George W Bush.

Dr Mahathir juga berkata, anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mesti bersatu dan mempunyai pandangan sama bagi menghadapi dan menangani masalah di Tebing Barat.

Mengenai perbincangan peringkat pegawai kedua-dua negara, Dr Mahathir berkata, beliau sangat gembira hasil mesyuarat yang dianggapnya berjaya bagi meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

Ketika ini perdagangan antara Malaysia dan Maghribi masih kecil. Tahun lalu, dagangan kedua-dua negara hanya bernilai RM65.74 juta (AS\$17.3 juta). Eksport Malaysia ke Maghribi adalah RM57 juta (AS\$15 juta), manakala import Maghribi RM8.74 juta (AS\$2.3 juta).

Antara bidang yang dike-

nal pasti untuk kerjasama adalah pembangunan prasarana, petroleum dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia menawarkan tempat kepada rakyat Maghribi melanjutkan pelajaran di Universiti Multimedia (MMU) dalam usaha meningkatkan kepakaran dalam bidang ICT di kalangan rakyat Maghribi.

Selain itu, Majlis Perniagaan Malaysia-Maghribi diwujudkan hari ini bagi menggalakkan kerjasama ekonomi lebih kukuh kedua-dua negara.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke sini dengan pesawat khas Penerbangan Malaysia (MAS) bersama beberapa menteri Kabinet dan 100 ahli perniagaan, di Lapangan Terbang Rabat Sale,

disambut Youssoufi dan isterinya, Helene Youssoufi. Sementara itu, enam perjanjian ditandatangani hari ini, iaitu Jaminan Pelaburan antara kedua-dua negara, memorandum persefahaman (MoU) kerjasama (FID), Perbadanan Pambangunan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan Pusat untuk Export dan Perindustrian Malaysia Promosi Maghribi (Mida) dan Jabatan Pelaburan (CMPE).